

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Lantik vendor lain jika gagal capai perjanjian adil

Kerajaan mahu rundingan dengan pengendali MySejahtera dimuktamadkan secara harmoni

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan melantik vendor lain jika rundingan bersama MySejahtera, khususnya membabitkan aspek penyelenggaraan platform gagal mencapai perjanjian yang adil.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, ketika memaklumkan pendirian itu, berkata kerajaan ketika ini berhasrat supaya rundingan bersama pengendali aplikasi berkenaan berupaya dimuktamadkan secara harmoni.

Beliau berkata, ia bagi memastikan MySejahtera yang perkhidmatannya mula ditawarkan oleh KPIsoft, kini ditukar nama kepada Entomo Malaysia Sdn Bhd, berteraskan asas tanggungjawab sosial korporat (CSR) dapat terus digunakan lebih 38 juta pengguna aplikasi terbabit.

"Kita mahu rundingan berjaya supaya lebih senang untuk terus gunakan platform itu, tetapi saya sudah maklumkan kepada vendor, jika tidak dapat perjanjian yang adil kepada kerajaan, kita boleh pilih vendor lain.

"Sebab data itu masih disimpan kerajaan, cuma syarikat yang baharu itu perlu buat perjanjian baharu dari segi penyelenggaraan platform, tetapi kita juga sedang dalam proses melihat kepada perkhidmatan yang kita perlukan untuk jangka panjang.

"Contohnya, daftar masuk mungkin tidak diperlukan dalam



Khairy bersama Pengarah Institut Antarabangsa untuk Kesihatan Global Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Prof Pascale Allotey pada pelancaran buku, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

tempoh beberapa bulan lagi, justeru, ia masa terbaik untuk kita teliti jenis perkhidmatan yang diperlukan dan teruskan dari situ," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku bertajuk *Systems Thinking Analyses for Health Systems Policy and Systems Development: A Malaysian Case Study*, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Portal CodeBlue melaporkan Entomo Malaysia Sdn Bhd pada Oktober tahun lalu melesenkan penggunaan perisian MySejahtera kepada MySJ Sdn Bhd sehingga 2025 untuk terma kontrak bernilai RM338.6 juta.

Mengulas pemindahan hak milik pelesenan itu, Khairy berkata, ia kini sedang diperhalusi menerusi prosiding kehakiman dan tidak mempunyai kaitan dengan kerajaan.

Selain itu, beliau sekali lagi menegaskan data peribadi dan aplikasi MySejahtera masih milik kerajaan, dengan rundingan

ke arah menukar status platform berkenaan daripada dibangunkan dan ditawarkan secara CSR sebelum ini, kepada 'aplikasi tetap' giat dijalankan.

"Saya bawa perkara ini ke Jemaah Menteri, perlu ada satu kontrak ditandatangani bersama antara kerajaan dan syarikat yang kendalikan platform ini.

"Itulah bermulanya rundingan dengan pihak KPIsoft, lepas itu mereka maklumkan tukar nama dan bagi lesen kepada MySJ untuk kendalikan platform berkenaan.

"Justeru, kerajaan mula bincang dengan MySJ sebab lesen sudah dipindah milik. Sekarang kerajaan pada peringkat perbincangan dengan MySJ mengenai langkah ke depan khususnya membabitkan aspek penyelenggaraan platform.

"Jika mereka tidak setuju MySejahtera dimiliki kerajaan, kecuali mungkin platform tertentu yang memerlukan *soft sco-*

pe (penelitian terperinci) mereka dan sebagainya, maka kita tidak akan teruskan dengan perjanjian itu," katanya.

Menyentuh isu penamatan penyediaan perkhidmatan MySejahtera berteraskan CSR berkuat kuasa Mac tahun lalu, Khairy berkata, ia antara punca utama mengapa kelangsungan aplikasi berkenaan dibangkitkan pada mesyuarat Jemaah Menteri bagi kepentingan urus tadbir.

Berikutan rundingan yang sedang dilaksanakan ketika ini, beliau berkata, isu pengendalian, hak milik, pelesenan, perlindungan data dan beberapa perkara lain turut mendapat perhatian Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Tiada apa yang nak disembunyikan. Kita masih berunding dan apabila selesai, kita akan maklumkan asas kontrak, tetapi saya perlu tetapkan perkhidmatan yang diberikan. Mengenai jumlah dipersetujui dengan Entomo, ia tiada kaitan dengan rundingan bersama kerajaan.

"Saya boleh maklumkan jumlah dirunding dengan MySejahtera jauh lebih rendah berbanding RM338.6 juta," katanya.

Ditanya kemungkinan bentuk penyelesaian perjanjian berdasarkan konsep rangka kerjasama awam swasta (PPP), Khairy berkata, kerajaan mengambil pendirian berhati-hati bagi mengelak isu penyalahgunaan data peribadi pengguna.

Katanya, konsep PPP berupaya dipertimbangkan jika butiran perjanjian bersama vendor pengendali MySejahtera kelak tidak termasuk bagi tujuan pengomersialan.

"Maknanya, jabatan teknologi maklumat Kementerian Kesihatan (KKM) tidak akan menyelenggara MySejahtera, kita tiada kemampuan berbuat demikian, kebanyakan jabatan kerajaan buat penyumberluaran penyelenggaraan platform kepada pihak ketiga," katanya.

Status vaksinasi hanya ditukar menjadi 'tidak lengkap'

Putrajaya: Status vaksinasi COVID-19 penerima vaksin Sinovac berusia 18 tahun dan ke atas serta penerima semua jenis vaksin primer berusia 60 tahun dan ke atas yang masih belum mendapatkan dos penggalak selepas layak, akan hanya bertukar menjadi tidak lengkap selepas 31 Mac.

Berikutan itu, Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan mesej tular yang mendakwa status vaksinasi bagi individu tidak menerima dos penggalak akan dihilangkan mulai 1 April depan.

"Mesej itu adalah palsu. Untuk makluman, status vaksinasi COVID-19 kepada semua penerima vaksin Sinovac berusia 18 tahun dan ke atas dan penerima semua jenis vaksin dos primer berusia 60 tahun dan ke atas yang masih belum mendapatkan dos penggalak selepas layak hanya akan bertukar menjadi tidak lengkap.

"Ia bukan dihilangkan seperti dinyatakan dalam mesej itu," kata KKM dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, mesej disebar melalui media sosial, antara lain meminta penerima vaksin membuat tangkap layar status vaksinasi masing-masing dan menyimpannya kerana kerajaan didakwa akan memadamkan status vaksinasi kira-kira dua juta penerima vaksin yang masih enggan mendapatkan dos penggalak.

Mesej itu juga menyarankan orang ramai berbuat demikian sebagai langkah berjaga-jaga jika status vaksinasi masing-masing terpadam secara tidak sengaja oleh aplikasi MySejahtera.

Pada 24 Februari lalu, media melaporkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata KKM tidak akan melanjutkan tempoh pemberian dos penggalak yang ditetapkan sehingga 31 Mac ini kepada penerima vaksin Sinovac berusia 18 tahun ke atas serta individu berusia lebih 60 tahun yang layak.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Sultan Selangor lawat Makmal Invasif Kardiologi

Serdang: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam melawat Makmal Invasif Kardiologi (ICL) yang menjadi pusat rujukan utama bagi perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik kebangsaan, di sini.

Baginda tiba di Hospital Serdang yang menempatkan makmal berkenaan pada jam 10 pagi dan meluangkan masa hampir satu setengah jam di fasiliti berkenaan yang beroperasi sejak 2016.

Turut mengiringi lawatan sulung baginda ke hospital itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

ICL juga aktif dalam memberikan rawatan kecemasan kepada pesakit serangan jantung dengan memelopori rangkaian ST-elevation myocardial infarction (STEMI). Makmal berkenaan menjalankan lebih 50,000 prosedur invasif jantung termasuk angiogram dan angioplasti, implantasi perentak jantung, prosedur elektrofisiologi dan prosedur penyakit struktur jantung.

Sultan Sharafuddin turut diberi taklimat mengenai pembangunan fasiliti kesihatan negeri Selangor yang disampaikan BERNAMA Khairy.



Sultan Sharafuddin melihat peralatan di Makmal Invasif Kardiologi Hospital Serdang, semalam. Turut kelihatan Khairy. (Foto BERNAMA)

Pasukan petugas atasi miskin bandar

Kementerian Wilayah Persekutuan tubuh Unit Kemiskinan

Kuala Lumpur: Kementerian Wilayah Persekutuan menubuhkan Unit Kemiskinan pada peringkat Kementerian dan agensinya bagi menangani isu miskin bandar secara berterusan.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Jalaluddin Alias memaklumkan bagi Wilayah Persekutuan Labuan, unit itu ditubuhkan bawah Perbadanan Labuan serta bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menubuhkan pasukan petugas.

"Unit Kemiskinan ini adalah sebuah unit baharu yang kami wujudkan untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan.

"Penubuhan pasukan petugas pula sebagai persediaan untuk bekalan barangan keperluan menjelang musim perayaan, dengan sokongan agensi kerajaan

serta pemborong atau kedai terpilih.

"Diharapkan segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan ini dapat membantu menangani masalah kemiskinan di Wilayah Persekutuan Labuan, terutama miskin bandar berikutan kos sara hidup semakin tinggi," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Bashir Alias mengenai mekanisme direncanakan pihak Kementerian dalam usaha menangani masalah kemiskinan di Labuan, terutama miskin bandar susulan kenaikan kos sara hidup.

Selain itu, Jalaluddin berkata, Kementerian akan menggerakkan semula Jawatankuasa Kerja Pembangunan Fizikal dan Ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan (JKPFEPWL) bawah Menteri Wilayah Persekutuan, bagi menangani isu dan masalah semasa berkaitan pembangunan fizikal serta ekonomi, termasuk perkara yang memabitkan kenaikan kos sara hidup di Labuan.

Menjawab soalan tambahan Senator Muhammad Zahid Md Arip sama ada Unit Kemiskinan itu boleh bekerjasama dengan Pusat Pungutan Zakat untuk mengatasi kemiskinan bandar dalam

kalangan umat Islam pula, Jalaluddin berkata, kedua-dua unit itu mempunyai matlamat yang sama.

"Matlamat kami sama. Unit Kemiskinan ini untuk membantu bukan sahaja golongan Melayu Islam bahkan kaum lain dengan tumpuan kami sama, iaitu membantu golongan B40 ke bawah, untuk mengatasi masalah kemiskinan.

"Di samping itu, saya jangka gabungan kedua-dua unit ini akan memaksimumkan bantuan serta menyelesaikan kemiskinan yang dihadapi masyarakat kita sekarang," katanya. BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : COVID-19

Kes harian turun di bawah 20,000

Kuala Lumpur: Kes harian Covid-19 di negara ini menurun di bawah 20,000 kes apabila mencatatkan sebanyak 16,863 kes, kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif individu yang dijangkiti virus berkenaan ialah sebanyak 4,138,867 kes.

Beliau berkata, jumlah itu membabitkan 16,625 kes penularan tempatan dengan 238 kes import yang mendapat jangkitan luar negara.

"Paling tinggi kategori yang dikesan semalam (kelmarin) adalah kategori satu iaitu sebanyak 8,652 kes atau 51.31 peratus, diikuti kategori dua (8,111 kes), kategori tiga (48 kes), 29 kes membabitkan kategori empat dan 23 kes bagi kategori lima.

"Daripada jumlah keseluruhan 100 kes bagi kategori tiga hingga lima, sebanyak 30 kes (30 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, manakala 44 kes (44 peratus) menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 26 kes (26 peratus) sudah menerima dos penggalak (booster) dan 69 kes (69 peratus) berusia 60 tahun dan ke atas. Manakala 63 kes lagi (63 peratus) mempunyai komorbid," katanya.



Paling tinggi kategori yang dikesan semalam (kelmarin) adalah kategori satu iaitu sebanyak 8,652 kes atau 51.31 peratus, diikuti kategori dua (8,111 kes), kategori tiga (48 kes), 29 kes membabitkan kategori empat dan 23 kes bagi kategori lima"

Dr Noor Hisham

Menurutnya, sebanyak 299 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) iaitu 148 kes disahkan Covid-19 serta 151 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

Bagi pesakit dalam ICU dan memerlukan alat bantuan pernafasan, setakat ini terdapat 187 kes iaitu 92 kes disahkan Covid-19 serta 95 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

"Sebanyak 26,171 kes sembuh dilaporkan semalam (kelmarin) menjadikan jumlah kumulatif adalah 3,870,937 kes," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat satu kluster baru dikesan dan 220 masih aktif.

"Ia menjadikan jumlah kluster sebanyak 6,927 kluster dan 6,707 kluster sudah tamat," katanya.

37 kematian dilapor kelmarin, Johor catat korban tertinggi

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,312,205 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun atau 37 peratus populasi itu di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web Covidnow, bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,848,821 individu atau 91.6 peratus daripada kumpulan berkenaan telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,946,103 atau 94.7 peratus menerima seku-

rang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, sejumlah 15,632,112 individu atau 66.4 peratus populasi dewasa pula telah menerima dos penggalak dan 22,948,963 atau 97.5 peratus lengkap vaksinasi manakala 23,225,157 atau 98.7 peratus telah me-

nerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Di samping itu, sebanyak 24,254 dos vaksin telah diberikan kelmarin, melibatkan 6,622 suntikan pertama, 818 suntikan lengkap dan 16,814 suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin

menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) meningkat kepada 68,701,958 dos.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 37 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Johor merekodkan kematian tertinggi

sebanyak 12 kes diikuti Kedah enam kes serta Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor masing-masing empat kes.

Selain itu, Pulau Pinang merekodkan tiga kes, Sarawak dengan dua kes manakala masing-masing satu kes di Perak dan Sabah.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Dua negeri rekod melebihi 50 peratus

Kuala Lumpur: Hanya dua negeri merekodkan kadar penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) bagi merawat pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus setakat kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia membabitkan Kuala Lumpur dengan 63 peratus dan Selangor (52 peratus).

Bagi katil bukan ICU, katanya, terdapat lima negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 50 peratus.

"Negeri berkenaan adalah Putrajaya sebanyak 87 per-

tus, Selangor (73 peratus), Kuala Lumpur (56 peratus), Terengganu (53 peratus) dan Melaka (51 peratus).

"Tiada negeri merekodkan peratusan pengisian lebih 50 peratus bagi katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC)," katanya.

Menurutnya, pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) pula meningkat kepada 187 pesakit dengan penggunaan bantuan itu sebanyak 21 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19.

Kuala Lumpur dengan 63 peratus dan Selangor 52 peratus

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Serdang: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam berkenan berangkat melawat Makmal Invasif Kardiologi (ICL) yang menjadi pusat rujukan utama bagi perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik kebangsaan di sini.

Baginda tiba di Hospital Serdang yang menempatkan makmal berkenaan jam 10 pagi dan meluangkan masa hampir satu setengah jam di fasiliti berkenaan yang beroperasi sejak 2016.

Turut mengiringi lawatan sulung baginda ke hospital itu ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin dan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

ICL juga aktif dalam

Sultan Selangor lawat ICL Hospital Serdang



SULTAN Sharafuddin berkenan mencemar duli melawat Makmal Invasif Kardiologi Hospital Serdang, semalam.

memberikan rawatan kecemasan kepada pesakit serangan jantung dengan mempelopori rangkaian *ST-elevation myocardial infarction* (STEMI).

Makmal berkenaan juga menjalankan lebih 50,000 prosedur invasif jantung termasuk angiogram dan angioplasti, implantasi perentak jantung, prosedur elektrofisiologi dan prosedur penyakit struktur jantung.

Sultan Sharafuddin turut diberi sembah taklimat mengenai pembangunan fasiliti kesihatan negeri Selangor yang disampaikan Khairy.


AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Makan berlebihan undang risiko

Makanan berminyak dan kandungan gula yang tinggi boleh menyebabkan penyakit seperti kencing manis dan darah tinggi yang merosakkan buah pinggang.



Kebanyakan rakyat Malaysia ketika ini makan tidak kurang daripada lima kali dalam sehari.

Pengambilan makanan yang banyak salah satu punca penyakit buah pinggang

Oleh NUR IFITTAH ROZLAN,
MUHAMMAD YUSAINI MOHAMAD
YUNUS, RAJA NUR FAZNIE AIDA dan
NURHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Kebanyakan rakyat Malaysia ketika ini bukan saja didapati mengamalkan cara hidup tidak sihat, malah makan terlalu berlebihan sehingga mengundang pelbagai masalah kesihatan, termasuk sakit buah pinggang.

Pakar Nefrologi Fakulti Perubatan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Muhammad Iqbal Abdul Hafidz berkata; boleh dikatakan kebanyakan rakyat Malaysia makan tidak kurang daripada lima kali dalam sehari.

Lebih memburukkan keadaan, katanya, individu terbabit turut mengambil makanan yang mengandungi kadar lemak, pengambilan garam, gula yang tinggi termasuk makanan yang telah diproses.

"Pengambilan pemakanan ideal adalah sebanyak tiga kali sehari iaitu pagi, tengah hari dan malam dengan mengikut piramid makanan yang betul.

"Tapi makan tiga kali sehari pun tidak semestinya kena makan makanan berat. Tidak perlulah makan nasi lemak setiap pagi, tengah hari pula makan nasi campur yang akan menambahkan kalori.

"Kena kurangkan pengambilan makanan segera, makanan berminyak, kandungan garam yang tinggi dan pengambilan gula yang berlebihan yang boleh menyebabkan penyakit seperti kencing manis dan darah tinggi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Mengulas lanjut, Dr Muhammad Iqbal berkata, sebanyak 60 peratus penyakit buah pinggang berpunca daripada kencing ma-

nis, selain disebabkan oleh darah tinggi dan obesiti yang mana buah pinggang perlu menampung kerja lebih kerana berat badan berlebihan.

"Faktor yang amat signifikan dalam negara kita pula adalah pengambilan suplemen yang kerap tanpa mendapatkan pemeriksaan atau nasihat pakar terlebih dahulu. Mereka lebih percaya testimoni daripada media sosial atau penjual produk.

"Faktor lain adalah seperti batu karang dan radang buah pinggang, keadaan di mana badan tiba-tiba menyerang buah pinggang," jelas beliau.

Dr Muhammad Iqbal berkata, data Sistem Data Renal Amerika Syarikat (USRDS) pada tahun 2020 menunjukkan rakyat Malaysia berumur lingkungan 45 hingga 64 tahun merupakan golongan kedua tertinggi di dunia yang menghidap kegagalan buah pinggang.

"Ketika ini, sekitar 50,000 pesakit buah pinggang sedang menjalani dialisis di negara ini dan angka ini dijangka meningkat kepada 106,000 pada tahun 2040," katanya.



MUHAMMAD IQBAL

PEMAKANAN YANG BETUL

- Elakkan melangkau waktu malam.
- Ikut konsep suku-suku separuh.
- Ambil snek sihat antara waktu makan utama.
- Pastikan cukup pengambilan air kosong setiap hari.
- Sayur-sayuran (3 sajian sehari).
- Susu dan produk tenusu (1 - 3 sajian sehari).
- Ikan, ayam, daging dan kekacang (4/3 - 2 sajian ayam/ 1 sajian ikan).
- Buah-buahan (2 sajian sehari).
- Lemak, minyak, gula dan garam (makan sedikit).
- Sarapan (7 - 8.30 pagi).
- Makan tengah hari (12 tengah hari - 2 petang).
- Makan malam (6.30 - 8.30 petang).

* Sumber : Bahagian Pemakanan, KKM

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT



Khairy (kanan) melancarkan buku *Systems Thinking Analyses for Health Systems Policy and Systems Development: A Malaysian Case Study* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Isnin.

MySejahtera: Tukar vendor andai perjanjian tidak adil

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan melantik vendor baharu sekiranya rundingan dengan MySJ Sdn Bhd yang mengendalikan MySejahtera gagal memberikan perjanjian adil.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kerajaan sebolehnya mahu rundingan tersebut berjaya dan memberikan situasi menang-menang kepada kedua-dua pihak.

Menurutnya, buat masa ini, rundingan itu meliputi langkah ke depan, termasuk penyelenggaraan platform tersebut.

"Sudah tentu kita mahu rundingan ini berjaya, maka lebih senang untuk kita gunakan platform tersebut.

"Saya sudah maklumkan kepada vendor, sekiranya tidak diberi per-

janjian yang adil kepada kerajaan, maka kita boleh pilih vendor lain sebab data itu disimpan oleh kerajaan.

"Mungkin syarikat yang baharu itu perlu buat perjanjian baharu daripada segi penyelenggaraan platform. Kita juga dalam proses melihat kepada perkhidmatan yang diperlukan untuk jangka masa panjang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan buku *Systems Thinking Analyses for Health Systems Policy and Systems Development: A Malaysian Case Study* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini.

Sebelum ini, sebuah portal melaporkan Entomo Malaysia Sdn Bhd melesenkan perisian MySejahtera pada Oktober tahun lalu kepada MySJ Sdn Bhd hingga 2025 untuk

terma kontrak bernilai RM338.6 juta.

Bagaimanapun, ketika ditanya tentang pemindahan hak milik pelesenan itu, Khairy berkata, ia kini sedang diperhalusi menerusi prosiding kehakiman dan tidak mempunyai kaitan dengan kerajaan.

Khairy menegaskan, aplikasi dan data MySejahtera dimiliki kerajaan.

"MySejahtera selamat dan masih dikawal kerajaan. Isu perkhidmatan *software services* sedang dirunding dengan MySJ Sdn Bhd tetapi kita tak akan berkompromi dari segi keselamatan data tersebut.

"Kerajaan tidak membayar sesen pun kepada syarikat berkenaan setakat ini. Kita masih guna MySejahtera dan dari semasa ke semasa, saya minta mereka tambah modul," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

Beri perhatian kepada punca utama

Ubah tabiat pemakanan dan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat

SHAH ALAM

Kerajaan perlu memberi perhatian lebih terhadap penjagaan kesihatan primer seperti penyakit buah pinggang sekiranya perbelanjaan kesihatan meningkat pada masa akan datang.

Ketua Penyelidikan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, Dr Shankaran Nambiar berkata, kerajaan perlu melihat kepada bahagian pencegahan untuk memastikan punca utama penyakit tersebut dapat dikurangkan. "Kita perlu siasat apakah punca penyakit buah pinggang dan

mewujudkan kesedaran tentang bagaimana penyakit ini boleh dielakkan.

"Jika ia berkaitan dengan masalah gaya hidup, orang ramai harus dididik untuk memasukkan perubahan gaya hidup yang sesuai.

"Sebagai contoh, beberapa masalah buah pinggang adalah berkaitan dengan diabetis dan tekanan darah tinggi. Dalam kes ini, punca utama harus didasarkan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan bilangan rakyat Malaysia menderita penyakit kegagalan fungsi buah pinggang semakin meningkat saban tahun apabila terdapat hampir 50,000



NAMBIAR

pesakit sedang menjalani rawatan dialisis.

Berdasarkan angka pertambahan bilangan pesakit baharu pula, jumlah pesakit memerlukan rawatan dialisis dijangka mencecah 106,000 orang pada 2040.

Sementara itu, Nambiar berkata, tabiat pemakanan rakyat Malaysia juga harus diubah untuk memastikan gaya sihat dapat diaplikasikan, sekali gus mengelak berlaku masalah peningkatan kes buah pinggang.

Menurutnya, unjuran juga menunjukkan bahawa kos perubatan kesihatan meningkat kerana negara merekodkan populasi penduduk yang semakin tua.

"Oleh itu, kerajaan harus memberi perhatian lebih kepada aspek-aspek ini. Ini juga akan mengurangkan kos penjagaan dan

perbelanjaan kesihatan sama ada kepada rakyat atau ekonomi negara," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga perlu menyediakan satu skim insurans kepada semua rakyat walaupun tidak bekerja dalam sektor kerajaan.

"Mereka boleh mengadakan model potongan, misalnya potongan gaji setiap bulan seperti syarikat insurans swasta bagi yang mampu bayar.

"Yang mampu bayar tidak ada masalah tetapi kebanyakannya tidak mampu. Sebagai contoh, mereka yang tidak bekerja seperti suri rumah, kerajaan perlu menanggung sepenuhnya beban kos, "Jadi, kerajaan perlu memikirkan cara bagaimana membiayai penjagaan kesihatan," jelasnya.

Tambahnya, kerajaan harus memberi lebih peruntukan dan perhatian untuk kesihatan dan bukannya perbelanjaan tidak perlu.

Pesakit buah pinggang di Malaysia

- Kira-kira 8,000 pesakit baharu disahkan pada 2018 dan meningkat saban tahun.
- Sehingga kini terdapat kira-kira 40,000 pesakit kegagalan fungsi buah pinggang.
- Dijangka mencecah 106,000 orang menjelang tahun 2040.
- 30 peratus daripada jumlah tersebut adalah golongan muda berusia bawah 45 tahun.
- Kebanyakan pesakit buah pinggang dikesan menghidap penyakit itu ketika buah pinggang mereka telah 90 peratus rosak.
- Kajian mendapati 61 peratus pesakit baharu memerlukan rawatan dialisis menghidap diabetes.
- 16 peratus lagi menghidap tekanan darah tinggi berpunca daripada tabiat pemakanan dan gaya hidup tidak sihat.

Dua kekangan dihadapi pesakit buah pinggang

SHAH ALAM - Terdapat dua kekangan dihadapi pesakit buah pinggang iaitu masalah kewangan dan kurangnya kesedaran untuk mengendalikan penyakit mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF), Khor Xin Yun berkata, ramai yang mengalaminya penyakit buah pinggang terpaksa berhenti kerja.

"Mereka perlu menjalani rawatan dialisis empat jam sehari dan tiga kali seminggu. Mereka juga akan mudah rasa letih, lesu dan tidak bermaya untuk pergi kerja.

"Selain masalah kewangan, mereka juga tidak tahu cara mengendalikan penyakit sehingga memudaratkan kesihatan, khususnya bagi pesakit kategori tahap lima yang memerlukan rawatan dialisis.

"Kita dapati kebanyakan pesakit memulakan dialisis tanpa persediaan. Kalau ada tahap seperti ini, mereka akan mengalami risiko komplikasi seperti risiko jangkitan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sementara itu, Xin Yun berkata, NKF melaksanakan saringan penyakit buah pinggang secara percuma kepada orang awam sebagai langkah pengesanan awal bagi penyakit berkenaan.

Jelasnya, ramai rakyat Malaysia yang



KHOR XIN YUN

menghidap penyakit buah pinggang tidak mempunyai sebarang simptom, malah lebih membimbangkan apabila ada antara mereka terus mengalami kegagalan buah pinggang secara mengejut.

"Justeru, kita menggalakkan orang ramai menjalani saringan kesihatan secara percuma pada program saringan kesihatan NKF untuk kita mengenali pasti sama ada mereka mengalami masalah buah pinggang atau tidak.

"Sejak 2008, kita berjaya menyaring lebih daripada 600,000 komuniti," katanya.

Xin Yun berkata, pihaknya turut menyediakan rawatan hemodialisis di 28 pusat hemodialisis di bawah NKF.

Menurutnya, rawatan hemodialisis itu adalah untuk membersihkan darah dengan mengeluarkan sisa toksin dan lebihan garam daripada badan pesakit, selain membantu keseimbangan kimia seperti kalium, natrium dan klorida serta memastikan tekanan darah terkawal.

"Setakat ini kita sudah ada lebih kurang 1,700 pesakit yang mendapat rawatan hemodialisis. Ini adalah pesakit yang mengalaminya penyakit buah pinggang tahap lima.

"Kita juga bakal melaksanakan program intervensi tahun ini dengan menyasarkan golongan berisiko tinggi seperti obesiti.



Dari kiri: Xin Yun bersama Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar (tengah) ketika Majlis Perasmian Duta Ginjal dan Program Pendidikan Pra-Dialisis di Putrajaya pada Sabtu.

"Di bawah program ini, kita akan memberikan bimbingan dari segi penjagaan pemakanan, aktiviti fizikal dan juga motivasi supaya mereka dapat mengubah gaya hidup lebih baik," katanya.

Dari segi kos operasi pula, Xin Yun menjelaskan, ia melibatkan belanja hampir RM55 juta setiap tahun.

Daripada jumlah tersebut, katanya, NKF memerlukan kira-kira RM26.5 juta daripada penderma untuk menampung kos perbelanjaan bagi rawatan dialisis dan program pendidikan serta kesedaran kepada orang awam.

"Kami berterima kasih kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (APM) kerana ada memberikan subsidi untuk kita melaksanakan program ini," kata beliau.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION



A man receiving a Covid-19 booster shot at the Seberang Jaya Expo Site vaccination centre in Seberang Jaya, Penang, on Saturday. PIC BY DANIAL SAAD

LOWEST SINCE FEB 8

NEW COVID-19 CASES DROP TO 16,863

Selangor accounts for more than half the cases

MOHAMED BASYIR
AND TENGKU ZARITH SOFIA
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SUNDAY'S new Covid-19 cases of 16,863 were the lowest since Feb 8 this year.

It was a significant drop from the 20,923 cases the day before.

The new cases pushed the country's cumulative number of infections since the beginning of the pandemic to 4,138,867.

According to the Health Ministry's CovidNow portal and GitHub, the Klang Valley accounted for the bulk of the daily cases, with a whopping 9,273 in Selangor alone and 1,395 in Kuala Lumpur.

Penang recorded 990 cases, Perak 836, Johor 764, Kedah 652, Sarawak 631, Negri Sembilan 556, Melaka 403, Pahang 383, Terengganu 327, Kelantan 295, and Sabah 245.

Putrajaya and Labuan recorded 38 cases each, and Perlis logged the lowest number of fresh cases at 37.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said

only 100 of the new cases were in categories 3, 4 and 5.

"Thirty of these cases involve those who were unvaccinated or have incomplete vaccinations for Covid-19, 44 cases involve those with complete vaccination but without a booster shot, and 26 cases involve those who have received a booster dose.

"Also, 69 of them are aged above 60, and 63 are those with comorbidities," he said in a statement yesterday, adding that 26,171 patients were discharged on Sunday.

On bed use in intensive care units (ICU) for Covid-19 patients, Dr Noor Hisham said hospitals in the Klang Valley recorded a rate of above 50 per cent up to Sunday.

"The ICU bed occupancy in Kuala Lumpur is 63 per cent and Selangor 52 per cent," he added.

He also said the non-ICU bed-use rate in the Klang Valley was also the highest in the country, with Putrajaya recording 87 per cent, followed by Selangor at 73 per cent, Kuala Lumpur at 56 per cent, Terengganu at 53 per cent and Melaka at 51 per cent.

Dr Noor Hisham added that the bed occupancy rate at Covid-19 quarantine and low-risk treatment centres nationwide was below 50 per cent.

Patients who required breathing assistance saw an increase of

21 per cent, with 187 intubated, he said.

He also said 299 patients were being treated in ICUs, with 148 Covid-19 cases and the remaining ones under investigation.

One new Covid-19 cluster was detected on Sunday, taking the country's active clusters to 220.

The national infectivity rate on Sunday was 0.93, and Selangor was the only state with a R-naught (Rt) value above 1.0 at 1.09, and the lowest was Sabah at 0.64.

On Covid-19 fatalities, Malaysia logged another 37 deaths on Sunday, with six being brought-in-dead (BID) cases.

This brought the death toll to 34,751 with 7,321 being BID cases.

The Health Ministry also stated that 1,312,205 children aged 5 to 11 had received the first dose of a Covid-19 vaccine up to Sunday.

Sarawak has the highest number of vaccinated children, at 71.5 per cent. Kelantan remained the lowest at 9.7 per cent.

As for adolescents aged between 12 and 17, the CovidNow portal reported that 2,946,103, or 94.7 per cent of them, had received at least one dose of a vaccine, and 2,848,821, or 91.6 per cent, had completed the vaccination.

With regard to the country's adult population, 15,632,112 people, or 66.4 per cent, have received the Covid-19 booster shot.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

'App data owned by govt'

Khairy: Details of MySejahtera users safe and protected

By ASHLEY TANG
ashleytang@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The data in the MySejahtera application is owned by the government despite it not having a contract with the developer, says Khairy Jamaluddin.

The Health Minister said the data was safe as the government had a non-disclosure agreement with the app developer, MySJ Sdn Bhd.

He added that the custodians of the data had always been the National Cyber Security Agency, National Security Council and Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (Mampu).

Khairy said the current issue at hand was the maintenance of the platform, adding that the court case between Entomo and MySJ Sdn Bhd had nothing to do with the government.

"The government maintains that as far as the MySejahtera app as well as the data inside it are concerned, they are owned by the government and that is the basis of our negotiations with MySJ.

"We have not concluded negotiations yet," he told a press conference after the launch of the United Nations University International Institute for Global Health book titled *Systems Thinking Analyses for Health Systems Policy and Systems Development: A Malaysian Case Study* here yesterday.

Khairy reiterated that his ministry would not compromise on the safety of the data.

"If they do not agree that MySejahtera is owned by the government except perhaps specific platforms that use their source code



Important information: Khairy with United Nations University International Institute for Global Health director Professor Pascale Allotey during the book launch at the Kuala Lumpur Convention Centre. — Bernama

and others, then we will not continue the agreement with them.

"This is why I said that we are still in negotiations with them. The data is safe as it is monitored by the ministry. We did not give any consent to any party.

"This data is not being shared with private parties and it is only used for the purpose of public health," he added.

MySejahtera, which was introduced in April 2020 to manage the Covid-19 pandemic, was created by KPISoft, which has since changed its name to Entomo, as a corporate social responsibility (CSR) initiative.

However, it was then sold to MySJ.

Khairy explained that the government started negotiations with KPISoft when he noticed that there was no contract between it and the

government when he took over as Health Minister.

"It was all being done as KPISoft's CSR, there were no payments made. However, when I was appointed Health Minister, I wanted to regularise this service as we cannot have it as a CSR (initiative) forever," he said.

Negotiations started with KPISoft after he notified the Cabinet about this issue, Khairy added.

"We then notified them (KPISoft) but they informed us that they had changed their name and given the licence to MySJ to manage the platform.

"With that, the government started discussing with MySJ," he said.

Khairy said the government hoped the negotiations would be a success and if not, it would choose another vendor to manage the plat-

form as the data was still under the government.

Asked how much had been paid to MySJ, Khairy stressed that no payment had been made.

"At the moment, we still have not paid them anything yet. That's why I brought the matter up with the Cabinet.

"It is better to be transparent on this issue since it is already the end of the CSR period," he said.

He also said that once negotiations wrapped up, the government would announce the basis of the contract.

On March 23, PKR president and Opposition leader Datuk Seri Anwar Ibrahim raised concerns about the sale of MySejahtera to a private company, noting that it contained private health-related information of millions of Malaysians.

More kids aged five to 11 vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 1,312,205 children or 37% of the child population aged five to 11 have received their first dose of the vaccine under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children.

According to the Health Ministry's CovidNow website, for adolescents aged 12 to 17, a total of 2,848,821 or 91.6% of the group have been fully vaccinated while 2,946,103 or 94.7% have received at least one dose.

A total of 15,632,112 or 66.4% of the adult population have received a booster dose and 22,948,963 or 97.5% are fully vaccinated, while 23,225,157 or 98.7% have received at least one dose of the vaccine.

On Sunday, a total of 24,254 vaccine doses were administered with 6,622 as the first dose, 818 as the second dose and 16,814 as a booster jab, bringing the cumulative total dispensed under the National Covid-19 Immunisation Programme to 68,701,958 doses.

According to the Health Ministry's GitHub portal, 37 deaths were recorded with Johor having the highest number at 12 cases followed by Kedah with six cases, while Melaka, Negri Sembilan and Selangor had four cases each.

Penang recorded three cases, followed by Sarawak with two cases and Perak and Sabah with one case each. — Bernama

Daily Covid-19 cases in Sabah drop to below 200

KOTA KINABALU: Sabah's daily Covid-19 cases have dipped below the 200-mark for the first time since Jan 24.

State Covid-19 spokesman Datuk Seri Masidi Manjun said 194 new cases were reported yesterday, a drop of 51 cases compared with Sunday.

Kota Kinabalu recorded only 55 new cases yesterday after seeing an increasing trend a day earlier.

"The drop in cases in Kota Kinabalu is one of the main factors contributing to the lower number of cases across the state," Masidi said.

Apart from Kota Kinabalu, four other districts recorded double digits - Tuaran (26), Papar (18), Sandakan (11) and Tawau (10).

"A total of 18 districts recorded a single-digit number of new cases," Masidi said, adding that Semporna, Nabawan, Tongod and Kalabakan districts did not record any new infections.

He added that only four clusters remained active, declaring three clusters - Pengkalan Abai (Kota Belud), Jalan Beluran Lama (Beluran) and Batu Enam (Kota Belud) - as over.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION

S'gor Ruler visits Invasive Cardiology Laboratory in Serdang Hospital

SERDANG: The Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, visited the Invasive Cardiology Laboratory (ICL) which is the main referral centre for national cardiology and cardiothoracic services, here.

His Royal Highness arrived at the Serdang Hospital, which houses the laboratory, at 10am yesterday, and spent almost one-and-a-half hours at the facility which has been in operation since 2016.

Also accompanying the Sultan in his maiden visit to Serdang Hospital were Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, Health Minister Khairy Jamaluddin and Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

ICL is also active in providing emergency treatment to patients of heart attacks with its pioneering ST-elevation myocardial infarction (STEMI) networks.

The laboratory has also conducted more than 50,000 invasive procedures, including angiograms and angioplasties, implantation of pacemakers, and electrophysiology. It also treats structural heart diseases.

Bernama reported that Sultan Sharafuddin was also given a briefing on the development of Selangor's state health facilities by Khairy.



Medical tour: Sultan Sharafuddin getting an insight into the heart treatment available at Serdang Hospital. — Bernama

Dengue still a risk, with cases rising

DBKL and MOH working to control disease

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: Public awareness on dengue has taken a backseat since the Covid-19 pandemic hit the country, says Kuala Lumpur City Hall (DBKL).

DBKL said its Health and Environment Department and the Health Ministry (MOH) will, however, continue to keep it the focus of public attention through various means, including social media.

In the 11th epidemiological week (Epid Week 11) of 2022 (or March 13-19) there were 7,364 dengue cases in Malaysia, compared to 6,560 in the same period last year.

"This is an increase of 804 cases (12.3%). There were three deaths recorded up to Epid Week 11, which is the same as in 2021.

"In Kuala Lumpur, 602 cases of dengue were reported up to Epid Week 11, compared with 724 cases (in the same period) last year, a decrease of 102 cases (16.9%," DBKL said in a statement yesterday.

DBKL said its Health and Environment Department will take several measures to keep dengue under control, including house-to-house inspections and destroying breeding grounds, it added.

"We will also use larvicide in the form of liquid, capsule or sprays to kill mosquito larvae.

"In order to curb the spread of dengue in outbreak areas, thermal spraying or fogging would also be



The battle still goes on: A DBKL staffer doing mosquito fogging.

used to kill adult mosquitoes," said DBKL.

It added that health campaigns will also be stepped up in epidemic areas to create awareness and remind the local community to carry out measures to prevent the transmission of dengue fever.

There were 400 cases of dengue reported in Selangor in Epid Week 11, an increase of eight (2%) compared to the 392 cases reported in the Epid Week 10.

"A total of 5,003 cases of dengue fever were reported in Epid Week 11, an increase of 36.5% (1,337 cases) compared with the same week last year," said the Selangor Health Department in an update posted on its website.

No deaths were reported during this period, however.

Universiti Malaya virologist Prof Dr Sazaly Abu Bakar said the movement of people is a contributing factor in the rise in cases.

He said during the movement control order, people were restricted in terms of where they could go and time spent outdoors.

"With people out and about now, more are getting infected.

"At the end of 2019, we recorded a total of 130,101 dengue cases (an increase of 60% compared to 2018), with Selangor always having the most number of cases.

"So, it is important for us to be aware of dengue and to take measures to protect ourselves during this Covid-19 period," he said, adding that the pandemic had pushed dengue to the back of most people's minds.